

HARI MINGGU PASKA KE-2 (A) / (Minggu Kerahiman Ilahi/Hari Oktaf Paska)

Kisah 2:42-47; Mazmur 117:2-4. 13-15. 22-24. R/ ayat. 1; 1 Petrus 1:3-9 Yohanes 20:19-31

Tema: PERGI DAN WARTAKAN INJIL KEBANGKITAN TUHAN SUPAYA MEREKA YANG PERCAYA DAN DIBAPTIS AKAN MENERIMA PENGAMPUNAN DOSA MEREKA

1. Sukacita dan berkat Paska kepada kamu semua! Hari ini kita merayakan Hari Oktaf Paska, iaitu, hari kelapan Paska! Paska adalah pesta yang begitu besar sehingga kita tidak merayakannya dalam satu hari, tetapi kita merayakannya sampai lapan hari! Itulah sebabnya mengapa Misa-misa kudus minggu lepas di rayakan secara hormat dan kudus! Dan itulah sebabnya mengapa kita boleh makan daging pada hari Jumaat yang lalu!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa pada hari kebangkitan-Nya Tuhan telah menampakkan diri-Nya kepada para murid-Nya dan berkata, “Damai sejahtera bagi kamu”, iaitu, Damai, Shalom, Penyelamatan! Dan Dia menunjukkan tangan dan lambung-Nya kepada mereka! Dan para murid di penuhi dengan sukacita, iaitu, kegembiraan kebangkitan, kegembiraan penyelamatan, kegembiraan kehidupan!

Sekali lagi, Dia berkata kepada mereka, “Damai sejahtera bagi kamu. Sama seperti Bapa mengutus Aku, demikian juga sekarang Aku mengutus kamu.” Selepas berkata demikian, Ia menghembusi mereka dan berkata, “Terimalah Roh Kudus. Jikalau kamu mengampuni dosa orang, dosanya diampuni, dan jikalau kamu menyatakan dosa orang tetap ada, dosanya tetap ada.” Iaitu, “Pergilah dan wartakanlah Injil kebangkitan Tuhan, supaya yang percaya dan dibaptis akan menerima pengampunan dosa-dosa mereka; tetapi kepada mereka yang tidak percaya dan tidak dibaptis dosa mereka tidak akan diampuni!” Inilah Pentekosta Injil Yohanes!

Tetapi lebih daripada itu, Injil bukan sahaja memberitahu kita tentang sakramen pembaptisan, tetapi Injil juga memberitahu kita mengenai sakramen pertobatan atau rekonsiliasi! Selepas pembaptisan kita akan melakukan dosa lagi, tetapi Tuhan itu pengasih, Dia terus menerus mengampuni dosa-dosa kita di dalam sakramen pertobatan! Itulah sebabnya mengapa hari ini kita juga merayakan Minggu Kerahiman Ilahi!

Bahagian kedua Injil memberitahu kita bahawa apabila Tuhan menampakkan diri-Nya kepada para murid-Nya, Tomas tidak ada bersama mereka dan apabila diberitahu kepadanya bahawa mereka telah melihat Tuhan dia tidak mahu percaya. Dia tidak mahu percaya sehinggalah dia nampak Tuhan dan sehinggalah dia mencucukkan jarinya ke dalam bekas paku dan mencucukkan tangannya ke dalam lambungnya.

Lapan hari selepas itu Tuhan sekali lagi menampakkan diri-Nya kepada para murid dan kali ini Tomas ada bersama mereka. Sekali lagi Tuhan berkata, “Damai sejahtera bagi kamu”. Damai, Shalom, Penyelamatan! Dan Tuhan meminta Tomas memasukkan jarinya ke dalam lubang tangan-Nya dan memasukkan tangannya ke dalam lambung-Nya dan berkata kepadanya supaya jangan lagi ragu-ragu tetapi percayalah!

Tomas dengan segera mengakui imannya kepada Tuhan, “Ya Tuhanku dan Allahku.” Dan Yesus berkata kepadanya, “Kerana engkau telah melihat Aku, maka engkau percaya; berbahagialah mereka yang tidak melihat, namun percaya!” Iaitu, berkat kepada mereka yang belum melihat Aku namun percaya atas kesaksian dan pernyataan para rasul, terutamanya Tomas!

2. Bacaan pertama memberitahu kita mengenai empat sifat utama komuniti Kristian pertama! (CSB;Fuller)

- (i) Mereka tekun kepada ajaran para rasul. Para rasul mengajar mereka kitab Perjanjian Lama dari sudut inkarnasi atau penjelmaan!(NJB)
- (ii) Mereka berkongsi anugerah rohani mereka dan juga anugerah bendaan!

(iii) Mereka merayakan Ekaristi!

(iv) Mereka berdoa!

Bacaan pertama memberitahu kita mengenai KED (Komuniti Eklestial Dasar) pertama! Itulah sebabnya mengapa KED kita harus juga mempunyai empat sifat ini, iaitu, kitab suci, perkongsian anugerah rohani dan bendaan, Ekaristi dan doa! Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

“Mereka bertekun dalam pengajaran rasul-rasul dan dalam persekutuan. Dan mereka selalu berkumpul untuk memecahkan roti dan berdoa.” (Kis 2:42; SM)

3. Bacaan kedua memberitahu kita mengenai sakramen pembaptisan!(CSB;Fuller) Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Allah dalam belas kasihan-Nya telah memberi kita kelahiran baru/kehidupan dalam sakramen pembaptisan melalui kematian dan kebangkitan Putera-Nya Yesus Kristus! Dan kehidupan baru ini hanya akan lengkap, penuh dan sempurna pada hari kedatangan Yesus Kristus keduanya!

Sementara itu kita hidup dalam iman dan senantiasa mengasihi dan terutamanya dalam menghadapi kesengsaraan dan penganiayaan supaya iman dan cinta kasih kita akan bertumbuh sehingga pada hari kedatangan kedua kali Yesus Kristus di mana penyelamatan dan kehidupan kita akan lengkap, penuh dan sempurna!

4. Mazmur antarbacaan adalah sama pada Malam Menjelang Paska dan Minggu Paska! Mazmur antarbacaan adalah madah kesyukuran kepada penyelamatan dalam kematian dan kebangkitan Yesus Kristus! Dengan itu kita menyahut:

“Bersyukurlah kepada Tuhan, sebab Ia baik, kekal abadi kasih setia-Nya.” or “Alleluia, alleluia, alleluia!” (Mzm 117 (118):1; Sunday Missal (SM))

Mazmur antarbacaan mempunyai tiga rangkap. Rangkap pertama memberitahu kita untuk memuji dan bersyukur kepada Allah kerana cinta kasih-Nya kekal! Rangkap kedua memberitahu kita bahawa Tuhan itu adalah Penyelamat kita! Dan rangkap ketiga memberitahu kita mengenai kematian dan kebangkitan Yesus Kristus. Dengan itu kita baca bacaan rangkap ketiga:

“Batu yang dibuang oleh para pembangun telah menjadi batu sendi.” (Mzm 117 (118):22; SM)

Perjanjian Baru melihatkan ayat ini merujuk kepada kematian dan kebangkitan Yesus Kristus! (Mat 21:42; Kis 4:11; CSB)

Dan ianya adalah karya Allah semuanya! Justru itu kita baca dalam rangkap ketiga:

“Karya Tuhanlah itu, sangat mengagumkan kita.” (Mzm 117(118):23; SM)

Itulah sebabnya mengapa kita memberi pujian dan syukur kepada Allah dalam sahutan kita:

“Bersyukurlah kepada Tuhan, sebab Ia baik, kekal abadi kasih setia-Nya.” or “Alleluia, alleluia, alleluia!”

5. Hari ini kita merayakan “Minggu Kerahiman Ilahi”! Itulah sebabnya kita ada gambar “Kerahiman Ilahi!” Dalam gambar itu kita nampak sinaran merah dan putih memancar dari hati Yesus! Sinaran merah melambangkan darah yang dikorbankan di atas salib dan sinaran putih melambangkan Roh Kudus yang datang dari kematian dan kebangkitan Yesus Kristus! (Yoh 19:34; NJB) Sinaran merah dan putih juga melambangkan dua sakramen terpenting Gereja, iaitu, Pembaptisan (putih) dan Ekaristi (merah)! Itulah sebabnya mengapa penting sekali bahawa selepas pembaptisan kita harus datang ke Misa Kudus pada setiap hari Minggu untuk menerima “kerahiman Ilahi”! Hari ini kita bersyukur kepada Allah atas kerahiman Ilahi di dalam mejadikan suci Sri Paus Yohanes Paulus XXIII dan Yohanes Paulus II! Sekali lagi, sukacita dan berkat Paska untuk kamu semua! Amen!

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia.

Rujukan: Catholic Study Bible (CSB); New Jerusalem Bible (NJB).